



AGM PBAHB 2015 SIARAN MEDIA:

PEMBAYARAN DIVIDEN 7.5% OLEH PBA HOLDINGS BHD

PULAU PINANG, 28/5/2015: Untuk tahun ke-12 berturut-turut, PBA HOLDINGS BHD (Rujukan Stok: PBA - 5041) memberi dividen kepada pemegang-pemegang sahamnya.

Pengerusinya, YAB Tuan Lim Guan Eng berkata kadar dividen untuk pemegang-pemegang saham PBA Holdings Bhd (PBAHB) adalah 7.5% bagi tahun kewangan 2014.

Mesyuarat Agung Tahunan syarikat (AGM) hari ini, meluluskan dividen akhir satu peringkat sebanyak 4%. Sehingga 7 April 2015, syarikat ini mempunyai 8884 pemegang saham.

YAB Lim berkata dasar syarikat yang memberi imbuhan kepada pemegang saham pada setiap tahun selama 12 tahun berturut-turut membuktikan bahawa saham PBAHB adalah satu pelaburan yang stabil dan memuaskan dalam jangka panjang.

"PBAHB bukan sahaja peneraju organisasi dalam bekalan air. Kami juga merupakan sebuah entiti senaraian awam yang percaya kepada pemberian imbuhan kepada para pemegang saham setiap tahun," kata beliau.

PBAHB adalah syarikat pegangan bagi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP), pengendali air berlesen bagi Negeri Pulau Pinang. Perniagaan teras PBAHB adalah pembekalan air di Pulau Pinang.

YAB Lim, yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang berkata PBAHB mencatatkan perolehan sebanyak RM261.02 juta pada tahun 2014, berbanding RM251.73 juta pada tahun 2013. Ini merupakan peningkatan sebanyak 3.69% bagi tahun ke tahun.

Walau bagaimanapun, kos jualan PBAHB (termasuk kos elektrik, petrol, bahan kimia dan kos penyelenggaraan) meningkat sebanyak 6.62% pada tahun kajian, daripada RM183.46 juta pada tahun 2013 kepada RM195.60 juta pada tahun 2014.

Mengambil kira perbezaan lain dalam perbelanjaan pentadbiran, pendapatan faedah, bahagian keuntungan saham dan perbelanjaan cukai pendapatan, PBAHB mencatatkan keuntungan selepas cukai (PAT) sebanyak RM24.76 juta pada tahun 2014, berbanding RM27.93 juta pada tahun 2013.

"Harap maklum bahawa walaupun kami memberi tumpuan dalam kecekapan kos dalam menghadapi kos yang semakin meningkat kini, ciri perniagaan kami tidak membenarkan kami untuk meningkatkan sewenang-wenangnya 'harga produk (tarif air) tanpa kelulusan Negeri dan Persekutuan , " kata YAB Lim.

KAJIAN SEMULA TARIF AIR PULAU PINANG 2015

Pada 1 April 2015, PBAPP melaksanakan Kajian Semula Tarif Air Pulau Pinang 2015 (PWTR 2015) untuk menguruskan permintaan air dengan lebih berkesan dan menggalakkan penjimatan air di Pulau Pinang.

PWTR 2015 telah diluluskan dan diwartakan oleh Kerajaan Persekutuan pada 15 Februari 2015, lebih kurang 7.5 bulan selepas PBAPP mengemukakan cadangan akhir kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pada 30 Julai, 2014.

Rasional utama PWTR 2015 adalah untuk menangani cabaran air yang mencukupi dalam masa perubahan iklim, dan untuk mengelakkan catuan air di Pulau Pinang walau apa cara sekalipun.

Oleh itu, YAB Lim berkata PBAHB tidak berhasrat membuat spekulasi mengenai impak kewangan dengan pelaksanaan PWTR 2015.

"Kita tidak boleh menjangkakan respons pengguna dan kajian semula ini bertujuan untuk mengurangkan penggunaan per kapita domestik yang tinggi di Pulau Pinang. Pada masa yang sama, penggunaan air adalah tertakluk kepada pelbagai faktor sosio-ekonomi dan budaya, termasuk pelaksanaan GST 6% oleh Kerajaan Persekutuan di seluruh Malaysia berkuat kuasa 1 April 2015," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, PWTR 2015 dapat membantu untuk mengekalkan perniagaan PBAHB dalam jangka masa panjang, memandangkan hakikat PBAPP perlu memastikan air yang mencukupi untuk "jual" dan menjana secara berterusan, 24 jam sehari, setiap hari, di Pulau Pinang.

"Pada masa yang sama, memandangkan PWTR 2015 distrukturkan untuk mengurangkan penggunaan air per kapita domestik, kami juga berharap dapat melihat pengurangan subsidi bekalan air domestik yang berjumlah RM74.77 juta pada tahun 2014 di Pulau Pinang. Dengan kos yang lebih tinggi dan perolehan yang lebih rendah yang disebabkan oleh ketidaktentuan ekonomi berikutan pelaksanaan GST, terdapat sedikit tekanan ke atas keuntungan," katanya. "Kami akan memantau hasil dan melaporkannya pada akhir tahun kewangan 2015."

PROSPEK MASA HADAPAN

Satu daripada faktor utama yang mempengaruhi penggunaan air di Pulau Pinang ialah pertumbuhan ekonomi dan keuntungan PBAPP dijana oleh penggunaan perniagaan, prospek PBAHB untuk masa depan berhubung-kait dengan perkara berikut:

- KDNK Pulau Pinang kira-kira RM63 bilion pada tahun 2013 dan ia menyumbang lebih kurang 25% daripada jumlah import dan eksport Malaysia;

- Jumlah pelaburan di Pulau Pinang bernilai RM48.2 bilion bagi tempoh tujuh tahun dari 2008 - 2014. Ia mewakili pertumbuhan sebanyak 93.6% berbanding dengan tempoh tujuh tahun sebelumnya iaitu tahun 2001 – 2007 iaitu RM24.9 bilion.
- Perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (SSO) syarikat-syarikat seperti Citigroup, IHS, Atmel, First Solar, Osram dan Jurong Shipyard sedang mengembangkan operasi.
- Projek transformasi akan datang termasuk usaha sama antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Temasek Holdings Singapura bernilai RM11.3 bilion untuk membangunkan Perniagaan Penyumberan luar dan Penyumberan Luar Teknologi Maklumat (BPO-ITO) dan Taman Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang, serta projek pembangunan komersial dan campuran RM8.0 bilion IKEA.

Dalam menjalankan peranannya, YAB Lim berkata, PBAPP akan terus melaksanakan inisiatif pengurusan bekalan air yang lestari bagi memastikan ia mampu terus memenuhi semua keperluan bekalan air di Pulau Pinang pada tahun 2015 dan seterusnya.

Hubungi: Syarifah Nasywa Syed Feisal Barakkah
Unit Komunikasi Korporat
Tel: 04 2013 231 | Email : syarifah@pba.com.my